

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (1/2023)



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

MAJLIS PENYAMPAIAN PENSIJILAN ISO 45001 : 2018

17 Mac 2023 – Majlis Perbandaran Taiping menerima pensijilan ISO 45001 : 2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja oleh Ketua Pegawai Eksekutif, National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Certification Sdn Bhd, YBrs. Tuan Syamsul Zahrin Zainudin di Novotel Taiping. Tujuan utama pensijilan ini adalah melancar dan memotivasikan kesemua warga kerja MPT untuk melaksanakan prinsip pengurusan dan kaedah yang menjamin penambahbaikan yang berterusan dalam pencapaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP). Selain itu, ianya bertujuan mewujudkan satu panduan yang mengintegrasikan elemen-elemen KKP sebagai sebahagian daripada dasar pengurusan MPT serta melindungi kesemua warga kerja daripada sebarang bahaya dan mencegah kejadian kemalangan dan penyakit pekerjaan. Terdahulu, MPT telah menjalani dua sesi pengauditan yang dilaksanakan oleh NIOSH. Pengauditan Stage 1 telah berlangsung pada 16 hingga 17 Januari 2023 yang memfokuskan kepada penyediaan dokumentasi manakala pengauditan Stage 2 pula telah dijalankan pada 20 hingga 21 Februari 2023 melibatkan 2 orang panel auditor daripada NIOSH iaitu Encik Hasnan Jamaluddin dan Encik Shahrul Neezam Azahar. Bagi pengauditan Stage 2, tumpuan atau fokus pengauditan adalah lebih kepada pelaksanaan sistem pengurusan yang telah dibangunkan.



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING RAIH ANUGERAH EMAS DI ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2022.



18 JANUARI 2023 - MAJLIS PERBANDARAN TAIPING (MPT) TELAH MENERIMA ANUGERAH EMAS SEMPENA MAJLIS ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2022 YANG TELAH DIRASMIKAN OLEH YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF, TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA. AIGA MERUPAKAN SATU ANUGERAH YANG DIBANGUNKAN OLEH INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) BERTUJUAN UNTUK MENGIKTIRAF DAN MENGHARGAI ORGANISASI SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG TELAH MENZAHIRKAN KOMITMEN DAN USAHA DALAM PEMBUDAYAAN DAN PENGAMALAN INTEGRITI SERTA TATA KELOLA TERBAIK. ANUGERAH INI JUGA MEMBERIKAN PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN KEPADA MPT DALAM MENZAHIRKAN PEMBUDAYAAN AMALAN INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH YANG LEBIH CEKAP SELAIN MENUNJUKKAN KEUPAYAAN, KEMAMPUAN, KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN PIHAK MPT DALAM USAHA PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN PENGURUSAN RISIKO DAN PENCEGAHAN RASUAH.

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING MENGEKALKAN STATUS 5 BINTANG MENERUSI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2022 SELURUH MALAYSIA

12 Mac 2023 - Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Taiping (MPT) atas mengekalkan pengiktirafan 5 Bintang dan PBT Terbaik Perbandaran (Kriteria Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras) bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022. Pengiktirafan ini diberikan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersempena Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berlangsung di Ipoh Convention Center (ICC), Perak. Tema Konvensyen pada kali ini adalah Perbandaran Madani Negara



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PENGHARGAAN PESARA MPT 2022

14 Mac 2023 - Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak, YB Puan Sandra Ng Shy Ching menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penghargaan Pesara Majlis Perbandaran Taiping (MPT) 2022 bertempat di Dewan MPT, Taiping. Seramai 46 warga kerja MPT yang memberi perkhidmatan dan sumbangan cemerlang sepanjang tahun 2022 menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Turut diraikan 22 pesara MPT yang meninggalkan perkhidmatan pada tahun 2022.




HARI PERTAMA PROGRAM INSENTIF CUKAI TAKSIRAN 2023 (PICT2023) DI KAUNTER BAYARAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

23 Januari 2023 - Program Insentif Cukai Taksiran 2022 (PICT2023) anjuran Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah bermula 1 Januari 2023 sehingga 28 Februari 2023 menawarkan hadiah cabutan bertuah bagi dua (2) kategori iaitu Kategori A: Bayaran secara dalam talian dan Kategori B: Bayaran melalui Kaunter MPT. Pembayaran Cukai Taksiran secara setahun tanpa tunggakan berpeluang memenangi hadiah bonanza berupa sebuah Tablet dan 18 unit Telefon Pintar bagi hadiah saguhati. Kaunter Bayaran MPT dibuka kepada orang awam mulai 3 Januari 2023 dan waktu operasi bermula 8.15 pagi hingga 4.00 petang. MPT menggalakkan orang awam membuat semakan dan bayaran secara dalam talian bagi mengelakkan kesesakan pembayaran di Kaunter MPT. Semakan dan bayaran dalam talian boleh dibuat melalui laman sesawang ebayar.mptaiping.gov.my, myMPT di PlayStore, MyMPTaiping di App Store dan laman sesawang www.pbtpay.kpkt.gov.my. MPT tidak lagi mengepos Bil Cukai Taksiran ke rumah/ premis dan semua semakan dan bayaran digalakkan dibuat secara dalam talian sejak penggal kedua tahun 2020.



PANGKIN RAIH TEMPAT KETIGA LAMAN PBT

11 Mac 2023 - Hiasan Landskap Pangkin yang dihasilkan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) meraih tempat ketiga Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kategori Majlis Perbandaran sempena Sambutan Hari Landskap Negara peringkat Kebangsaan 2023 (HLN2023). Sambutan yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim turut diiringi Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming bertempat di Laman Sejahtera Taman D.R. Seenivasagam, Ipoh Perak. Laman Pangkin mewakili identiti Taiping sebagai Bandar Warisan yang terkenal dengan 33 perkara pertama di negara ini. Reka bentuk yang terhasil menggabungkan hiasan landskap yang bercirikan klasik dan moden terutama struktur binaan dengan keluasan 300 kaki persegi. Komponen utama ialah parklet, replika Menara Jam Taiping, replika Pondok Telefon Merah dan Pokok Jenjuang sebagai pokok renek rasmi. Lebih menarik kebanyakan bahan komponen merupakan barangan terpakai yang diguna semula. Pangkin menzahirkan landskap berkualiti Malaysia Madani melalui reka bentuk dan penggunaan ruang bertemakan Adaptive and Repurpose Platform.



TAIPING BANDAR BAHAGIA MESRA USIA 2022

20 Mac 2023 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menerima anugerah Bandar Bahagia Mesra Usia 2022 yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Datuk M. Noor Azman Taib mewakili YB Menteri KPKT, Nga Kor Ming. Anugerah disampaikan bersempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan pra pelancaran Dashboard Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia di Hotel Zenith, Putrajaya. Sambutan yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun ini bertujuan mengiktiraf hubungan kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat. Di peringkat negara, tahap kebahagiaan penduduk di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) diukur melalui Indeks Kebahagiaan di bawah Program Jaringan Penunjuk Mampai Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets), yang diselia oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Indeks kebahagiaan merupakan pengukuran umum terhadap tahap kesejahteraan penduduk merangkumi aspek kesihatan dan kesejahteraan mental dan fizikal.



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING JUARA SEPAK TAKRAW KEJOHANAN SUKAN PBT MALAYSIA (MALA) 2022

28 JANUARI 2023 - TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PASUKAN SEPAK TAKRAW MAJLIS PERBANDARAN TAIPING (MPT) DI ATAS KEJAYAAN MENJUARAI KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) 2022 YANG BERLANGSUNG PADA 26 HINGGA 28 JANUARI 2023 DI JOHOR .



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA IKTIRAF SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MPT

21 Mac 2023 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menerima pensijilan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang disampaikan oleh YB Menteri Sumber Manusia, Tuan V. Sivakumar dalam Majlis Pra Pelancaran Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2023 COSH 2023. Pengarah Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar, Encik Ami Faizul Yaacob mewakili Yang Dipertua untuk menerima pengiktirafan ini. Majlis anjuran Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bersempena dengan 24th Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health (COSH) & 6th Scientific Conference on Safety and Health SciCOSH 2023. Kedua-dua persidangan ini akan berlangsung pada 1 dan 2 November 2023 di KLCC.

Turut hadir sama Pengarah Eksekutif NIOSH, YBrs. Tuan Haji Ayob Salleh, Setiausaha Eksekutif NIOSH, YBrs. Mejar (Bersara) Haji Hanif Maidin, Ketua Pegawai Eksekutif NIOSH Certification, YBrs. Tuan Syamsul Zahrin Zainuddin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO dan Pengurusan Tertinggi KSM, YBrs. Tuan John Riba Marin.



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Tuan Haji Norazlan b. Hamadudin
Urusetia : Cik Puteri Fazira Syawati
Pautan : <http://www.mptaiping.gov.my>